

## Kontrak projek pembangunan akan dilaksanakan secara tender terbuka

UM 31 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Kerajaan tidak akan lagi melaksanakan projek pembangunan secara rundingan terus kecuali projek berkenaan benar-benar perlu dan hanya dalam keadaan tertentu untuk menyekat kenaikan kos.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kontrak projek pembangunan akan dilaksanakan secara tender terbuka atau tender terhad kerana sudah terdapat ramai kontraktor bumiputera yang cekap.

“Mereka perlu bersaing sesama mereka untuk mendapat kontrak,” kata Dr. Mahathir ketika membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Parlimen hari ini.

Perdana Menteri menambah, bagi mengawal kos, semua projek hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos.

Beliau berkata, kerajaan akan hanya melaksanakan projek secara *fast track* sekiranya faktor masa adalah amat penting.

Katanya, bilangan projek yang akan dilaksanakan melalui pendekatan itu dijangka akan berkurangan apabila keupayaan perancangan negara diperbaiki dan bajet dua tahun diperkenalkan.

“Bagi projek yang dilaksanakan melalui pendekatan reka bentuk dan bina, kita akan melantik perunding berasingan daripada pereka bentuk kontraktor yang membuat tawaran,” kata Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan kerajaan tidak akan bertolak ansur lagi dengan kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut masa dan tidak mengikut kualiti yang sebagaimana dipersetujui.

“Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menamatkan kontrak bagi kontraktor yang tidak mematuhi syarat serta menyenarai hitam dan menghalang mereka daripada menyertai tender di masa hadapan.”

Beliau berkata, langkah itu akan memastikan hanya mereka yang mempunyai rekod bersih, boleh dipercayai dan mampu menyiapkan projek sahaja diberi peluang lagi untuk membuat tawaran bagi kontrak kerajaan.

Katanya, tujuan melaksanakan projek pembangunan bertujuan untuk faedah rakyat selain menguntungkan kontraktor tetapi ia tidaklah sehingga merugikan rakyat seperti mana berlaku dalam pembinaan makmal komputer.